



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

TVET BUKAN SEKADAR LALUAN ALTERNATIF

PUTRAJAYA, 25 APRIL 2025 - Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bukan sekadar laluan alternatif tetapi merupakan arus perdana pembangunan negara untuk hari ini. Demikian ucapan oleh Dato' Dr. Haji Mohd Zahari Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK).

Beliau ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Silaturahmi Syawal Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang berlangsung hari ini, menegaskan bahawa politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) pula bukan lagi pilihan kedua, malah menjadi antara institusi TVET *game changers* untuk membina modal insan yang berdaya saing dan relevan.

Dato' Dr. Haji Mohd Zahari mensasarkan pengambilan ke politeknik dan kolej komuniti bagi Sesi I 2025/2026 adalah seramai 24,000 pelajar baharu di politeknik dan 8,000 di kolej komuniti. Dengan sokongan semua pihak, beliau optimis sasaran ini mampu dicapai dan generasi TVET akan dapat terus dilahirkan untuk mengisi keperluan tenaga mahir negara.

Bersempena dengan pengumuman keputusan SPM semalam, beliau mengucapkan tahniah kepada semua pelajar atas pencapaian pada SPM 2024 dan menasihati para pelajar walau apa jua Keputusan yang diperoleh, peluang untuk menyambung pengajian sentiasa terbuka luas buat mereka dan menyeru untuk memilih laluan TVET sebagai pilihan utama.

-TAMAT-

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
25 APRIL 2025

LAMPIRAN BERGAMBAR



Dato' Dr. Mohd Zahari Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti